



**LEMBAGA INDUSTRI GETAH SARAWAK
SARAWAK RUBBER INDUSTRY BOARD (SARIB)
NOTIS JAWATAN KOSONG**

Lembaga Industri Getah Sarawak dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat kelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan kosong secara Kontrak Perkhidmatan (Contract of Service) bagi tempoh satu (1) tahun seperti berikut:

1. Jawatan	: Jurutera Pertanian, Gred J12 (Bahagian Pengembangan dan Teknologi)		
Bil. Iklan	:	01/26	
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)	
Kump. Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional	
Jadual Gaji	:	Gred Gaji 12	Gaji Minimum RM5,530.00
			Gaji Maksimum RM13,540.00

Syarat Kelayakan

1) Kelayakan Akademik

(a) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan dengan fungsi **Kejuruteraan Pertanian**.

(b) Bidang pengkhususan yang berkaitan adalah termasuk:

- ✓ Kejuruteraan Pertanian;
- ✓ Kejuruteraan Biosistem;
- ✓ Mekanisasi Pertanian;
- ✓ Pengairan dan Saliran;
- ✓ Kejuruteraan Tanah dan Air;
- ✓ pembangunan infrastruktur ladang;
- ✓ pengurusan jentera pertanian;
- ✓ teknologi pertanian; dan
- ✓ pembangunan serta pengurusan ladang getah.

2) Memenuhi syarat pendaftaran sebagai **Jurutera** dengan **Lembaga Jurutera Malaysia (LJM)**, tertakluk kepada peraturan dan keperluan yang sedang berkuat kuasa.

3) Memiliki kelayakan profesional atau pengalaman yang berkaitan dengan bidang **kejuruteraan pertanian**, jika ditetapkan oleh pihak berkuasa melantik.

- 4) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan projek, penyediaan spesifikasi teknikal, anggaran kos, dokumen tender dan penyeliaan kerja;
- 5) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Skop Tugas:

Pegawai bertanggungjawab untuk merancang, menyelia, dan melaksanakan projek-projek berkaitan sektor pertanian. Tugas ini merangkumi penyediaan input teknikal serta sokongan profesional kepada pengusaha pertanian bagi meningkatkan kecekapan operasi dan hasil pengeluaran.

2. Jawatan	:	Pegawai Pertanian, Gred G9 (Bahagian Pengembangan dan Teknologi)		
Bil. Iklan	:	02/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji 9	Gaji Minimum RM2,250.00	Gaji Maksimum RM11,110.00

Syarat Kelayakan:

1) Kelayakan Akademik

Calon hendaklah memiliki salah satu kelayakan berikut:

- (a) Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian)** daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau kelayakan luar negara yang setaraf dalam bidang khusus:

- ✓ Pertanian;
- ✓ Hortikultur;
- ✓ Bioindustri;
- ✓ Bioteknologi;
- ✓ Perniagaan Tani;
- ✓ Pengeluaran Makanan;
- ✓ Teknologi Makanan;
- ✓ Teknologi Pertanian;
- ✓ Agroteknologi;
- ✓ Kimia;
- ✓ Biokimia; atau
- ✓ bidang berkaitan.

ATAU

(b) **Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian)** dalam bidang **Pertanian** atau bidang berkaitan, yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Merancang dan melaksanakan program pengembangan serta pemindahan teknologi pertanian, memberikan khidmat nasihat teknikal kepada petani dan usahawan tani, serta menyelaraskan dan memantau pelaksanaan program pembangunan pertanian di SARIB.

3. Jawatan	:	Pegawai Tadbir (Teknologi Maklumat), Gred N9 (Bahagian Pengurusan Data)		
Bil. Iklan	:	03/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pengurusan & Profesional		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		9	RM2,250.00	RM11,110.00

Syarat Kelayakan:

1) **Kelayakan Akademik**

Calon hendaklah memiliki salah satu kelayakan berikut:

(a) **Ijazah Sarjana Muda** dengan Kepujian dalam bidang **Teknologi Maklumat, Sains Komputer, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

ATAU

(b) **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang **Teknologi Maklumat, Sains Komputer, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **serta Diploma Pascasiswazah dalam bidang Teknologi Maklumat** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Nota: Bagi tujuan perenggan (b), calon hendaklah memiliki kedua-dua kelayakan, iaitu **Ijazah Sarjana Muda** dan **Diploma Pascasiswazah dalam bidang Teknologi Maklumat** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

2) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan strategi organisasi serta strategi ICT, termasuk pembangunan dan transformasi digital, bagi memastikan penggunaan teknologi maklumat menyokong pencapaian objektif, KPI dan hala tuju strategik Lembaga Industri Getah Sarawak.

4. Jawatan	:	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N5 (Unit Pengurusan Sumber Manusia)		
Bil. Iklan	:	04/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji 5	Gaji Minimum RM1,650	Gaji Maksimum RM6,620

Syarat Kelayakan:

(1) **Kelayakan Akademik**

Calon hendaklah mempunyai **salah satu** daripada kelayakan berikut:

- i. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dengan mendapat prinsipal dalam sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran; atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - iii. Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - iv. Diploma dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Pejabat, Pentadbiran Awam, Pengurusan Organisasi, Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Kajian Pengurusan, Perakaunan, atau mana-mana bidang yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (2) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (3) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Membantu mengurus dan menyelaraskan urusan pentadbiran pejabat, termasuk pengurusan mesyuarat, penyediaan dokumen dan minit mesyuarat, pemantauan tindakan susulan, pengurusan rekod, sumber manusia, aset serta urusan operasi pejabat.

5. Jawatan	:	Penolong Pegawai Tadbir, Gred N5 (Bahagian Pengurusan Data)		
Bil. Iklan	:	05/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji 5	Gaji Minimum RM1,650	Gaji Maksimum RM6,620

Syarat Kelayakan:

(1) Kelayakan Akademik

Calon hendaklah mempunyai **salah satu** daripada kelayakan berikut:

- i. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan, dengan mendapat prinsipal dalam sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran; atau
 - ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - iii. Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - iv. Diploma dalam bidang Teknologi Maklumat, Pentadbiran Awam, Pengurusan Perniagaan, Kajian Pengurusan, Perakaunan, atau bidang berkaitan yang bersesuaian yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (2)** Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (3)** Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Membantu menyelaras pengumpulan, pengurusan, pengemaskinian, pengesahan dan analisis data organisasi serta menyediakan laporan, statistik dan maklumat pengurusan bagi menyokong perancangan strategik, pemantauan prestasi dan pembuatan keputusan organisasi.

6. Jawatan	:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi), Gred N1 (Unit Pengurusan Sumber Manusia)		
Bil. Iklan	:	06/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		1	RM1,500	RM4,680
		(bergantung kepada kelayakan & pengalaman)		

Syarat Kelayakan:

(1) Kelayakan Akademik

Calon hendaklah mempunyai **salah satu** daripada kelayakan berikut:

- i. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - ii. **Sijil Vokasional Malaysia (SVM)** dalam bidang yang berkaitan; atau
 - iii. **SPM + Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2** dalam bidang yang berkaitan; atau
 - iv. **SPM + SKM Tahap 3** dalam bidang yang berkaitan.
- (2) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (3) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan adalah satu kelebihan.

Skop Tugas:

Membantu mengurus dan menyelaraskan urusan pentadbiran pejabat, termasuk pengurusan mesyuarat, penyediaan dokumen dan minit mesyuarat, pemantauan tindakan susulan, pengurusan rekod, sumber manusia, aset serta urusan operasi pejabat.

7. Jawatan	:	Pembantu Khidmat Am, Gred H1 (Similajau, Bintulu)		
Bil. Iklan	:	07/26		
Bil. Kekosongan	:	Satu (1)		
Kump. Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Jadual Gaji	:	Gred Gaji	Gaji Minimum	Gaji Maksimum
		1	RM1,500	RM4,680

Syarat Kelayakan:

(1) **Kelayakan Akademik**

Calon hendaklah mempunyai **salah satu** daripada kelayakan berikut:

- i. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf; atau
 - ii. **Sijil Vokasional Malaysia (SVM)** dalam bidang yang berkaitan; atau
 - iii. **SPM + Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2** dalam bidang yang berkaitan; atau
 - iv. **SPM + SKM Tahap 3** dalam bidang yang berkaitan.
- (2) Memiliki Kepujian (**sekurang kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (3) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan.

Skop Tugas:

Melaksanakan pelbagai tugas sokongan am termasuk penghantaran dan pengedaran dokumen, pergerakan serta penyusunan peralatan pejabat dan stor, penjagaan kebersihan dan penyelenggaraan kawasan kerja, membantu pemantauan ladang getah dan kerja-kerja pengembangan kepada pekebun, memandu kenderaan agensi termasuk kenderaan pacuan empat roda (off-road) bagi tujuan rasmi dan operasi lapangan, serta melaksanakan tugas-tugas pejabat harian dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON:

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan:

- Surat permohonan yang menyatakan dengan jelas jawatan yang dipohon, dan memastikan jawatan tersebut ditulis di penjuru kanan atas sampul surat permohonan;
- Resume/CV terkini;
- Salinan kad pengenalan yang disahkan;
- Salinan sijil akademik dan transkrip yang disahkan;
- Dokumen pengalaman kerja, jika berkaitan;
- Sekeping gambar berukuran passport; dan
- Dokumen sokongan lain yang berkaitan.

Permohonan lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA INDUSTRI GETAH SARAWAK (SARIB)
D/A TINGKAT 2, WISMA SALCRA, NO. 1, LOT 2220,
BLOCK 26, MTL D, JALAN DATO MOHD MUSA,
94300 KOTA SAMARAHAN, SARAWAK.**

Catatan:

- (i) Hanya calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga;
- (ii) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing untuk mendapatkan sokongan dan perakuan;
- (iii) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses; dan
- (iv) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Iklan : 9 September 2026

Tarikh Tutup Permohonan : 25 September 2026